

Budak lelaki umur dua tahun mati selepas seminggu diserang penyakit tangan, kaki, mulut

Wabak HFMD ragut korban pertama

Oleh TAUFIK SALIMIN

SIBU - Selepas hampir sebulan heboh pasal penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) melanda negara, semalam seorang budak lelaki berusia dua tahun menjadi korban pertama penyakit itu.

Mangsa, Farhan Lukman Abdullah meninggal dunia di Hospital Sibul, Sarawak pada pukul 2.08 pagi selepas berada dalam keadaan kritikal selama tiga hari.

Ibu kanak-kanak itu, Mastura Ali, 33, berkata, anak bongsu daripada tiga beradik yang merupakan seorang aktif

secara tiba-tiba berubah menjadi lemah selepas terkena jangkitan HFMD.

"Anak saya dijangkiti HFMD minggu lalu, kami bawa Farhan ke Klinik Kesihatan Daro pada Rabu lalu. Ubat klinik tidak mengubah penyakitnya malah Farhan kerap menangis pada waktu malam dan semakin lemah," katanya semalam.

Menurut Mastura, dia kemudian membawa Farhan ke Hospital Daro tetapi terpaksa dirujuk ke Hospital Sibul susulan keadaannya yang semakin memburukkan.

INFO

Bilangan kes HFMD mengikut negeri (sehingga 26/07/2018)

Negeri	Bilangan
Selangor	11,349
Kuala Lumpur	4,428
Sarawak	4,412
Perak	2,949
Pulau Pinang	2,625
Johor	2,335
Sabah	2,119
Kelantan	1,589
Negeri Sembilan	1,523
Melaka	1,468
Kedah	1,349
Pahang	709
Terengganu	591
Labuan	309
Perlis	231
Jumlah	37,986

"Sejak dipindahkan ke Hospital Sibul, kesihatan Farhan terus merosot dan meninggal dunia awal pagi tadi (semalam) di sisi saya," jelasnya. Jarak antara Daro dan Sibul kira-kira 50 kilometer.

Jelasnya, arwah dibawa pulang ke Kampung Pangtray untuk dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Lemang Pek di Daro pukul 2.30 petang pada hari sama.

Di Kuala Selangor, Menteri Kesihatan, Dr. Zulkefly Ahmad berkata, sebanyak 37,986 kes penyakit HFMD dilaporkan di seluruh negara setakat Khamis lalu dengan kebanyakan negeri kecuali Sarawak merekodkan peningkatan berbanding tahun lepas.

INFO

Penyakit HFMD

Punca

- Jangkitan virus yang dikenali sebagai enterovirus meliputi Coxsackie Virus A16 (Cox A16) dan Enterovirus 71 (EV 71)
- Merebak daripada individu ke individu dengan sentuhan secara langsung melalui lelehan hingus, air liur, najis dan cecair ruam daripada mereka yang dijangkiti
- Orang dewasa mahupun kanak-kanak boleh dijangkiti, tetapi kanak-kanak di bawah umur lima tahun adalah paling berisiko

Symptom

- Terjadi lepuhan berisi air pada tangan, kaki dan dalam mulut
- Tekak dan tonsil membentuk ulser kecil manakala tangan kaki dan kawasan lampin dijangkiti ruam dengan ciri-ciri vesikel (lepuhan kecil)
- Ciri-ciri klinikal lain termasuk demam, sakit tekak, ulser pada tekak, mulut dan lidah

Rawatan

- Amalkan mencuci tangan secara konsisten menggunakan air bersih dan sabun sebelum menyediakan makanan, selepas keluar tandas, selepas menukar lampin dan mencuci najis
- Menutup mulut dan hidung bila batuk dan bersin
- Sapu dan bersihkan hidung serta mulut anak dengan tisu dan buang tisu yang telah digunakan
- Elak berkongsi pakaian, toala, perkakas makanan dan minuman serta mainan

Beliau berkata, Selangor mencatatkan jumlah kes HFMD tertinggi iaitu sebanyak 11,349 kes diikuti Kuala Lumpur (4,428)



JENAZAH Farhan dibawa turun dari rumahnya di Kampung Pangtray, Sibul untuk dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Lemang Pek, Daro.

dan Sarawak (4,412).

Menurut beliau, wabak HFMD yang dilaporkan membabitkan 1,093 premis dengan 539 premis melibatkan taska (241), tadika (259) dan 39 sekolah yang ditutup di seluruh negara.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kanak-kanak tersebut disahkan menjadi korban pertama wabak HFMD.

"Mangsa dikesan dijangkiti HFMD pada Rabu lalu tetapi dia gagal diselamatkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Noor Hisham, mangsa meninggal dunia berpunca daripada jangkitan pada paru-paru yang teruk disebabkan virus HFMD.



DZULKEFLY



NOOR HISHAM